

**Bekas ketua DCA ketuai siasatan antarabangsa kehilangan MH370**  
**Malaysian Insider**  
**April 29, 2014**  
**OLEH LEE SHI-IAN**

Pasukan antarabangsa yang ditubuhkan untuk menyiasat kehilangan penerbangan Malaysia Airlines (MAS) MH370 akan diketuai bekas penjawat awam tertinggi, umum Datuk Seri Hishammuddin Hussein (gambar) hari ini.

Pemangku Menteri Pengangkutan berkata, Datuk Kok Soo Chon dilantik sebagai penyiasat bertanggungjawab mengetuai pasukan siasatan antarabangsa.

Kok merupakan bekas Ketua Pengarah Jabatan Penerbangan Awam Malaysia (DCA) dan juga bekas wakil tetap Pertubuhan Penerbangan Awam Antarabangsa di Montreal, Kanada.

Dalam satu kenyataan Hishammuddin berkata, pasukan penyiasat antarabangsa mula menjalankan tugas dengan wakil diiktiraf dari pelbagai negara.

"Wakil termasuk Lembaga Keselamatan Pengangkutan Nasional (NTSB) Amerika Syarikat, Penyiasat Kemalangan Udara Cawangan United Kingdom dan Jabatan Penyiasat Kemalangan Udara China."

Wakil lain dalam pasukan tersebut adalah daripada Bureau d'Enquêtes et d'Analyses dari Perancis, Biro Keselamatan Pengangkutan Australia dan Singapura serta Indonesia.

Hishammuddin juga memberitahu pengeluar pesawat Boeing, syarikat satelit UK Inmarsat dan pengeluar enjin Rolls Royce juga berada dalam pasukan tersebut.

"Tujuan utama pasukan ini adalah untuk menilai, menyiasat dan menentukan punca sebenar kehilangan MH370," kata beliau.

"Ini bagi mengelakkan kejadian sama berlaku pada masa akan datang," kata Hishammuddin, menekankan tujuan penubuhan pasukan tersebut bukan untuk menuding jari atau menyalahkan mana-mana pihak.

"Adalah penting untuk Putrajaya membentuk pasukan bebas ini yang bukan sahaja cekap dan telus tetapi juga boleh dipercayai."

Dalam pada itu, Hishammuddin juga berkata Malaysia akan berbincang dengan Australia mengenai bentuk baru operasi mencari.

"Perbincangan meliputi skop penggunaan aset yang mampu mencari di laut dalam dan kos operasi.

"Kami juga perlu bincang langkah terbaik untuk pihak berkuasa memastikan ahli keluarga terdekat penumpang MH370 mendapat maklumat terkini."

Beliau juga memberitahu maklumat terbaru yang mengatakan bangkai pesawat ditemui di Teluk Benggala, bagaimanapun berkata pihaknya masih cuba mendapatkan pengesahan.

Awal hari ini, agensi berita dunia CNN melaporkan pegawai Australia mengumumkan penamatan usaha mencari di udara.

Namun, beberapa kapal akan masih kekal meronda di Lautan Hindi untuk memantau sekiranya terdapat serpihan pesawat ditemui.

Penerbangan MH370 ke Beijing bersama 239 penumpang dan anak kapal, hilang daripada pengesanan radar kira-kira sejam setelah berlepas dari Lapangan Terbang Antarabangsa KL ketika terbang di ruang udara Laut China Selatan.

Operasi melibatkan pelbagai negara dilancarkan untuk mencari pesawat Boeing 777-200ER itu, mula-mula di Laut China Selatan dan kemudian di selatan Lautan Hindi apabila ia dikatakan melencong daripada laluan asalnya. – 29 April, 2014.

Hakcipta © 2013 The Malaysian Insider

Source:

<http://www.themalaysianinsider.com/bahasa/article/bekas-ketua-dca-ketuai-siasatan-an-tarabangsa-kehilangan-mh370>